

UMNO lulus usul pindaan perlembagaan

KUALA LUMPUR 19 Jun — Perhimpunan Agung Khas UMNO hari ini sebulat suara meluluskan usul pindaan perlembagaan parti itu yang memberi kuasa kepada Majlis Tertinggi (MT) membanteras penyalahgunaan kuasa, kedudukan dan wang untuk tujuan mendapat undi atau sokongan dalam pemilihan jawatan UMNO.

Pindaan itu juga akan membolehkan ahli-ahli yang didapati bersalah dilarang daripada bertanding bagi mana-mana jawatan dalam parti atau sebagai calon dalam pilihanraya umum dan mereka juga boleh dipecat daripada parti.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika menggalang perbincangan usul berkenaan berharap tidak ada lagi amalan rasuah di kalangan anggota UMNO selepas ini.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata, berda-

sarkan kepada nada perbincangan dan penerimaan sebulat suara perwakilan terhadap pindaan itu, beliau percaya anggota UMNO menyedari keburukan amalan rasuah dan mahu menghapuskannya.

[TEKS UCAPAN PENUH PRESIDEN UMNO DI MUKA 6 DAN 7]

“Saya yakin kalau berlaku pun rasuah, ia akan berlaku di bawah meja...jauh di bawah meja dan tidak lagi secara terang-terangan,” katanya.

Menurutnya, keadaan yang berlaku pada pemilihan parti tahun lepas yang menyaksikan amalan sogokan berleluasa di kalangan mereka yang bertanding, menyebabkan pindaan terpaksa dibuat bagi membanteras gejala itu sebelum merosakkan parti.

“Rasuah dalam parti pada ketika itu sudah hampir sampai ke tahap seolah-olah sudah diteri-

[Lihat muka 2]

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

UMNO lulus usul pindaan perlembagaan

ma umum dengan pemberian dibuat di atas meja.

“Keadaan itu, lebih bahaya daripada rasuah biasa yang selalunya dilakukan secara bersembunyi kerana pemberi dan penerimanya bimbang dihina oleh masyarakat,” jelasnya.

Usul itu dibentangkan oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan disokong oleh wakil Pergerakan Pemuda, Ruslan Kassim.

Pindaan itu diluluskan setelah dibahaskan oleh lapan orang perwakilan Badan Perhubungan dari Kedah, Pahang, Sabah, Perak, Johor, Melaka, Kelantan dan Selangor, serta wakil Pergerakan Wanita.

Pengerusi Tetap UMNO, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah terpaksa menangguhkan perbincangan

yang sepatutnya disertai oleh semua wakil perhimpunan bagi membolehkan usul itu diluluskan mengikut masa aturcara perhimpunan.

Undian yang dibuat olehnya kemudiannya telah mendapat sokongan penuh secara berdiri daripada 1,762 perwakilan.

Anwar yang membentangkan usul itu pada sebelah pagi berkata, pindaan kepada fasal kecil 5.4 dan 18.1 bertujuan mengukuhkan peruntukan berkaitan dengan disiplin.

Katanya, pindaan itu memasukkan perkataan “jawatannya” dan “atau jika ia dikenakan hukuman disiplin yang melarang ia memegang jawatan.”

Menurutnya, ini bermakna mana-mana ahli akan terlucah jawatan dalam parti sekiranya dike-

nakan hukuman disiplin yang melarang ia memegang jawatan.

Perluatan jawatan seseorang ahli dengan sendirinya adalah perlu untuk mengelakkan seseorang ahli daripada terus memegang jawatannya atau ia didapati tidak layak untuk memegang jawatan tersebut, ujar beliau.

Beliau juga berkata, cadangan meminda fasal kecil 18.1 memasukkan perkataan “dan boleh mengenakan hukuman kerana melanggar peruntukan Perlembagaan ini dan kesalahan lain yang disenaraikan di dalam Tataetika ahli UMNO atau mana-mana peruntukan lain.”

“Ia juga memasukkan empat fasal baru iaitu fasal-fasal kecil 18.4, 18.5, 18.6 dan 18.7,” katanya.